

Najib: Rakyat berdisiplin bawa kemajuan

KUALA LUMPUR, Khamis — Hanya melalui masyarakat yang berdisiplin dan terlatih akan lahir sebuah negara yang mampu mencapai tahap perindustrian setanding dengan negara-negara maju.

Dengan itu semangat disiplin, terlatih dan sanggup mengabdikan diri kepada pekerjaan hendaklah dipupuk demi mencapai matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Demikian menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Mohd. Najib Tun Abdul Razak ketika menyampaikan hadiah biasiswa Syarikat Penerbangan Jepun (JAL) kepada enam penuntut universiti tempatan, di sini, hari ini.

Katanya, kejayaan Malaysia banyak bergantung kepada kejayaan mencapai matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih.

Datuk Najib juga berkata, biasiswa itu bertujuan memberi pengetahuan yang lebih mendalam kepada penun-

tut-penuntut mengenal kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh negeri Jepun khususnya dalam bidang bidang ekonomi.

"Meskipun negara Jepun tidak kaya dengan sumber-sumber alam, tetapi ia dapat meningkatkan pertumbuhan ekonominya kepada tahap yang termaju di dunia," ujarnya.

Tambahnya, proses yang dilalui oleh Jepun dalam mencapai kejayaan dapat memberi pengajaran yang manfaat kepada Malaysia dalam usaha mengembangkan ekonominya ke sektor perindustrian.

"Kesan-kesan negatif yang dialami oleh Jepun hendaklah dijadikan tauladan di samping mempelajari kesan-kesan positif dari kemajuan perindustrian untuk membendung kesan-kesan negatif perindustrian negara ini," tegas Datuk Najib.

Katanya, setakat ini negara Malaysia telah mencapai banyak kejayaan dalam usahanya ke arah memajukan sektor perindustrian.

Bagaimanapun, tambahnya, kita masih belum mencapai matalamat-matalamat yang ditentukan dalam proses ke arah kemajuan dan pembangunan.

Datuk Najib juga menasihatkan keenam penuntut, Encik Tirlochan Singh, Cik Lulu Albasrawy bt. Khalaff Albasrawy, Encik Fun Foo Ying, Cik Man Yuke Fong, Encik Yew Wan Kup dan Syed Abdul Razak bin Syed Long Alsagoff agar menjaga imej negara ini, ketika mereka berada di Tokyo selama enam minggu.

Mereka akan berlepas ke Tokyo pada 11 Julai ini dan akan mengikuti kursus musim panas di Universiti Sophia, Tokyo.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia